

AMALAN KREATIVITI GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Nur Adibah Liyana Awi
nuradibahliyana03@gmail.com
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Hafizhah Zulkifli
hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) merupakan satu perubahan baharu dalam dunia pendidikan kerana ia dilihat mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini. Selain membawa perubahan baharu dalam pendidikan, PAK21 dikatakan sebagai proses PdPc yang berpusatkan kepada murid dan guru sebagai fasilitator. Antara elemen yang perlu diterapkan oleh guru dalam PAK21 ialah elemen kreativiti. Kertas konsep ini membincangkan amalan kreativiti guru Pendidikan Islam dalam PAK21. Kertas konsep ini menggunakan kajian kepustakaan melalui analisis daripada kajian-kajian lepas. Kertas konsep ini juga menjelaskan konsep elemen kreativiti, amalan kreativiti guru dalam PdPc dan cabaran guru Pendidikan Islam dalam penerapan elemen kreativiti. Kertas konsep ini adalah salah satu usaha untuk meningkatkan mutu kualiti pengajaran dalam proses PdPc. Hasilnya mendapati guru perlu berusaha menambah kepakaran dalam kreativiti menghasikan PdPc yang berkesan. Oleh itu, peka terhadap perubahan yang berlaku amat penting untuk dititikberatkan dalam kalangan guru pada abad ke 21 ini.

Kata kunci: kreativiti; pembelajaran abad ke-21; guru Pendidikan Islam; PdPc; Pendidikan Islam

THE CREATIVITY PRACTICE OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN 21ST CENTURY LEARNING

ABSTRACT

The 21st century learning (PAK21) in the learning and facilitation (PdPc) is a new turning point in the world of education as it is seen to meet the needs of today's education. PAK21

focuses on PdPc process that is student-centred and teachers act as mentors. Among elements that should be applied among teachers in PAK21 is creativity. This concept paper used literature review based on document analysis from previous studies. This concept paper discusses creative teaching practices of Islamic Education teachers in PAK21. This concept paper also explained the concept of creativity, teacher creativity practices in PdPc and the challenges of Islamic Education teachers in the application of creativity element. This is an effort to improve the quality of teaching in the PdPc. The results found that teachers should strive to improve creativity in effective PdPc. Therefore, being sensitive to all changes in education must be emphasized among teachers in the 21st century.

Keywords: creativity; 21st century learning; Islamic Education teachers; PdPc; Islamic Education

PENGENALAN

Proses pendidikan dahulu ternyata jauh berbeza daripada proses pendidikan kini (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2011). Proses Pendidikan kini sedang menuju dunia globalisasi dan memerlukan kepada pendekatan terbaik yang dapat memberi erti yang mendalam terutama terhadap kemenjadian murid dalam pendidikan. Perkembangan dunia pendidikan lebih berfokuskan kepada pembelajaran abad ke-21 (PAK21). Penumpuan terhadap PAK21 menjadikan semua pihak termasuk guru dan murid harus berhadapan dengan pelbagai perubahan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Pada tahun 2014, Kementerian Pendidikan telah meminta semua sekolah di Malaysia untuk melaksanakan PAK21 sebagai usaha untuk meningkatkan prestasi sekolah dan murid agar dapat bersaing secara global. Merujuk kepada buku Pasukan Pemikir Pendidikan Abad ke-21 (2017), PAK21 mempunyai empat elemen iaitu komunikasi, kolaboratif, kreativiti dan pemikiran kritis. Oleh sebab itu, pendidikan berkait rapat dengan kreativiti guru dalam proses PdPc.

Kewujudan pembelajaran yang memberi gambaran menarik serta menyeronokkan sudah tentu memberi perubahan baharu kepada murid dan akhirnya dapat melahirkan murid yang kreatif (Starko 2010). Selain itu, menurut Mohd Yassin (2010), aspek pengajaran guru yang berfokuskan kreativiti pengajaran di sekolah khususnya dalam bilik darjah dapat membangunkan potensi diri murid dan pembelajaran lebih dinamik, segar dan berkesan

menjadi asas pencapaian akademik dan sahsiah murid. Saban hari, cabaran dalam pendidikan merupakan cabaran yang perlu ditempuhi oleh guru (Mohammad Hashim & Mohamad Yasin 2011). Maka, dapat dilihat cabaran dalam mengaplikasikan elemen kreativiti memerlukan semangat yang kental dalam diri setiap guru. Hal ini bagi melahirkan murid yang berpotensi dalam semua aspek.

Seiring dengan peredaran semasa, bagi mencapai hasrat murni kerajaan terhadap dasar pendidikan kini, kemahiran guru abad ke-21 terhadap amalan PdPc di sekolah menjadi keutamaan dalam sistem pembelajaran yang perlu diaplikasikan. Oleh yang demikian, sebagai negara yang pesat membangun dan berhasrat menjadi negara maju menjelang 2020, keperluan kepada kreativiti bagi rakyat Malaysia adalah lebih mendesak (Said & Yunos 2008). Tambahan lagi, pendidikan kini banyak melihat kepada elemen kreativiti kerana menyedari kepentingannya sebagai satu aset dalam pembangunan modal insan. Oleh sebab itu, di peringkat sekolah, guru merupakan golongan yang bertanggungjawab melaksanakan PAK21 dalam PdPc. Kesimpulannya, amalan kreativiti yang diterapkan oleh guru dalam pembelajaran abad ke-21 perlu dihayati dan diaplikasi bagi memastikan generasi alaf mendatang dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang relevan dengan cabaran dan keperluan abad ke-21 (Kementerian Pelajaran Malaysia 2012).

TUJUAN

Kertas konsep ini bertujuan untuk mengetahui konsep elemen kreativiti, amalan kreativiti dan cabaran guru Pendidikan Islam dalam pembelajaran abad ke-21. Objektif utama yang ingin dicapai dalam kertas konsep ini adalah agar pembaca dapat: Mengetahui konsep elemen kreativiti dalam pembelajaran abad ke-21. Mengetahui amalan kreativiti guru Pendidikan Islam dalam pembelajaran abad ke-21 dan mengetahui cabaran guru Pendidikan Islam dalam menerapkan elemen kreativiti dalam pembelajaran dan pemudahcaraan.

PENYATAAN MASALAH

Kreativiti merupakan antara elemen yang perlu diterapkan dalam pembelajaran abad ke-21. Dalam hal ini, guru Pendidikan Islam perlu memastikan kurikulum, strategi dan teknik untuk pembelajaran abad ke-21 mampu membekalkan murid dengan persediaan diri yang kukuh

untuk mendepani arus pendidikan yang kini bersaing secara global. Tambahan lagi, kajian terhadap amalan pedagogi abad ke-21 terutamanya dalam bidang Pendidikan Islam amat kurang (Salehudin Sabar & Mohd Ismail Mustari 2012). Pernyataan tersebut menunjukkan amalan kreativiti guru Pendidikan Islam masih lagi kurang.

Berdasarkan kepada tinjauan literatur daripada kajian-kajian lepas, terdapat beberapa permasalahan yang berlaku terhadap amalan kreativiti guru Pendidikan Islam dalam PdPc pembelajaran abad ke-21. Kajian oleh Raja Abdullah dan Daud Ismail (2018) menunjukkan penerimaan ciri-ciri pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan pelajar masih pada tahap sederhana. Hal ini menggambarkan kemahiran guru Pendidikan Islam dalam menerapkan pedagogi abad ke-21 masih perlu ditingkatkan. Kajian Muhamad Zaki et al. (2013) mendapati antara masalah yang amat ketara yang dapat dikenal pasti ialah, guru tidak memahami konsep dan pelaksanaan dalam mengamalkan elemen pengajaran kreatif terhadap pengajaran mereka.


Selain itu, menurut kajian Zuraidah (2013), guru-guru Pendidikan Islam dikatakan masih lagi mempunyai beberapa kelemahan dalam merangka amalan dan strategi pengajaran yang terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Di samping itu, beberapa kajian lepas yang berfokus tentang kemahiran berfikir kritikal, kritis dan kreatif serta penyelesaian masalah dalam kalangan murid di beberapa buah negeri di Malaysia masih pada tahap sederhana dan rendah (Sarimah & Shaharom 2008; Zanariah, 2010; Nor Hasnida et al. 2011; Faridah et al. 2013). Zetty (2017) dalam kajiannya turut mendapati agenda untuk melahirkan pelajar yang mampu menggunakan akal untuk berfikir masih tidak dapat diwujudkan sepenuhnya. Oleh itu, penting guru Pendidikan Islam untuk menerapkan amalan kreativiti dalam pembelajaran abad ke-21.

Raja Abdullah dan Daud (2018) yang menyatakan aspek kekangan masa, persekitaran kelas yang tidak kondusif dan kefahaman guru tentang konsep 4C merupakan masalah penerapan pembelajaran abad ke-21. Konsep 4C yang dimaksudkan dalam kajian di atas termasuklah elemen kreativiti. Kajian Nurul Nadirah dan Muhamed Yusof (2018) mendapati guru masih melaksanakan PdPc berpusatkan guru, guru tidak menguasai kemahiran teknologi dan komunikasi, dan guru tidak dapat menerima perubahan dalam sistem pendidikan terkini. Kelemahan dalam pengajaran guru adalah disebabkan oleh strategi pengajaran yang digunakan (Norazlin & Siti Rahaimah 2018). Maka, guru Pendidikan Islam perlu peka terhadap faktor tersebut agar dapat menerapkan elemen kreativiti dalam PAK21.

Selain itu, guru Pendidikan Islam akan terus mundur dan lemah jika elemen kreativiti ini tidak dipandang secara serius, lebih-lebih lagi dalam menelusuri pendidikan pada abad ke-21 (Tamuri 2004). Kelemahan ini disebabkan kurang kefahaman dan pengamalan kreativiti dalam pengajaran (Taat 2011). Dalam hal ini, murid tidak memberikan perhatian sepenuhnya terhadap pengajaran guru apabila ternyata guru hanya menggunakan konsep pembelajaran berpusatkan guru sahaja (Tamuri, Hamzah & Duki 2007). Oleh yang demikian, Mohd Yusof (2016) dalam kajiannya mendapati perancangan dalam pengajaran amat penting dalam menerapkan elemen kreativiti.

Namun begitu, masalah amalan kreativiti guru dalam pembelajaran abad ke-21 turut dipengaruhi oleh kemahiran guru memotivasikan murid ke arah kesedaran mengenai kepentingan matapelajaran Pendidikan Islam. Dalam hal ini, guru perlu mengetahui setiap ciri pelajarnya agar proses PdPc yang berlangsung di dalam kelas mendapat kesan yang positif (Wan Azlin & Mohamed Yusof 2017). Selain itu, guru Pendidikan Islam juga perlu memasukkan unsur inovasi dalam pengajaran untuk membantu menambahkan elemen kreativiti dalam pembelajaran dan pemudahcaraan yang lebih berkesan. Oleh sebab itu, kemahiran guru memotivasikan murid mempengaruhi amalan kreativiti yang diterapkan dalam pembelajaran PAK21 dalam PdPc. Akhir sekali, kertas konsep ini memberi manfaat kepada murid, guru, ibu bapa dan kementerian pendidikan. Rajah 1.0 menunjukkan kerangka konseptual kajian. Berdasarkan rajah, terdapat empat ciri-ciri kreativiti iaitu strategi, proses penciptaan, idea-idea imaginatif dan persekitaran. Ciri-ciri ini menjadi panduan kepada guru dalam menetapkan bahan serta penerapan kreativiti dalam PdPc berkesan.

KERANGKA KONSEPTUAL



Rajah 1.0. Konsep Elemen Kreativiti

Kreativiti

Kreativiti merupakan aspek penting yang perlu guru terapkan dalam diri murid (Wan Azlin & Mohamed Yusof 2017). Hal ini termasuklah dalam kemahiran berfikir secara kreatif. Pada alaf ini, sistem pendidikan di Malaysia sering mengalami perubahan mengikut peredaran semasa. Oleh sebab itu, keperluan kepada guru dan murid dalam kemahiran berfikir secara kreatif perlu dititikberatkan. Sebelum amalan kreativiti itu diterapkan kepada murid, amat wajar bagi guru khususnya guru Pendidikan Islam menghayati dan mempraktikkan amalan kreativiti dalam pembelajaran abad ke-21. Kreativiti menurut Abd Hamid et al. (2003), ialah penyusunan strategi dalam sesuatu pengajaran dan menghasilkan idea yang kreatif. Menurut Muhamad Zaki (2013), kreativiti ialah proses mereka cipta dan memupuk nilai inovasi dalam diri individu. Maka, jelas dilihat guru memainkan peranan penting dalam mencipta amalan kreativiti di sekolah.

Tambahan lagi, melalui kajian literatur, penulis mendapati terdapat empat prinsip pengajaran kreatif iaitu, (a) menghormati soalan serta idea murid, (b) mempamerkan nilai idea mereka, (c) memberi keizinan mereka melaksanakannya sendiri tanpa menilai hasil mereka dan (d) guru membuat perkaitan dengan sebab dan akibat (Torrance 1961). Selain itu, Torrance dan Safter (1990) menyatakan aktiviti kreativiti perlu dilakukan mengikut tahap. Tahap pertama melibatkan aktiviti menarik tumpuan murid, tahap kedua menganalisa hasil penilaian murid dan tahap ketiga mempamerkan kegigihan mereka.

Di samping itu, dalam mewujudkan amalan kreativiti, persekitaran turut memainkan peranan. Menurut Amabile (1983) dalam Muhamad Zaki (2013), menyatakan persekitaran pengajaran kreatif akan terbentuk dalam beberapa keadaan. Antaranya murid merasakan mereka dihargai dan dihormati di samping guru memainkan pelbagai peranan. Sebagai contoh, guru sebagai pembimbing, pelatih, penasihat dan sumber mendapatkan ilmu. Guru juga sebagai contoh teladan dalam diri murid dalam mendepani cabaran kehidupan. Oleh yang demikian, mengikut pandangan Amabile (1983) dalam Muhamad Zaki (2013), penulis dapat mengenal pasti konsep elemen kreativiti dan seharusnya dihayati demi kepentingan guru, murid dan masyarakat.

AMALAN KREATIVITI GURU PENDIDIKAN ISLAM

Mengaplikasikan Peta i-Think dalam PdPc

Penggunaan peta i-Think dalam PdPc merupakan antara kaedah pengajaran abad ke-21. Berdasarkan kajian oleh Nor Saidah dan Mohd Aderi (2016), pengaplikasian peta pemikiran ini berperanan penting untuk merangsang pelajar berfikir dan lebih aktif semasa proses PdPc berlangsung. Tambahan lagi, sesi PdPc juga menjadi lebih kreatif dan menarik. Kajian Mohd Yusoff (2016) mendapati guru mestilah mempunyai daya pemikiran kreatif agar dapat memberi semangat kepada murid. Oleh sebab itu, jelas menunjukkan peta i-Think atau peta pemikiran membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran kreatif di samping meningkatkan kemahiran berfikir murid. Di samping itu, konsep peta i-Think berperanan membantu seseorang dalam mengembangkan daya pemikiran yang lebih kreatif dan kritis (Mohd Mahzan et al. 2014). Berdasarkan kajian Mohd Mahzan, penggunaan peta i-Think turut membantu meningkatkan amalan yang mampu merangsang kemahiran berfikir murid.

Oleh yang demikian, penulis dapat melihat penggunaan peta i-Think dapat membantu murid bukan sahaja dalam mewujudkan persekitaran PdPc yang kreatif, malah membantu meningkatkan kemahiran berfikir murid secara kreatif dan kreatif. Maka, adalah wajar guru Pendidikan Islam mengaplikasikan peta i-Think dalam PdPc abad ke-21.

Penggunaan Teknologi Terkini

Kajian Nurul Nadirah dan Muhamed Yusoff (2018) mendapati terdapat guru yang tidak menguasai kemahiran teknologi dan komunikasi (TMK) dalam PdPc juga merupakan salah satu halangan dalam merealisasikan guru abad ke-21. Isu kemahiran TMK dalam kalangan guru, termasuklah guru Pendidikan Islam bukanlah sesuatu yang asing dalam konteks pendidikan. Namun begitu, guru Pendidikan Islam perlu menyedari bahawa memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia juga merupakan salah satu aspek dalam Gelombang 2 (2016-2020) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Siti Nor Sapariah dan Shahrul Afzan et al. (2013) menyatakan negara-negara abad ke-21 kini bersaing secara pesat dan sengit dalam penggunaan teknologi. Maka, dalam mendepani arus pendidikan kini yang berteraskan pembelajaran abad ke-21, guru Pendidikan Islam perlu mewujudkan unsur kreativiti menggunakan kemudahan TMK. Hal ini merupakan tanggungjawab guru untuk menggunakan kemudahan teknologi dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara. Kajian tersebut juga berpendapat, kaedah penyampaian haruslah berbentuk menarik, menghiburkan dan mesra pelajar. Pendapat ini diperkukuh dalam kajian Siti Hajar (2013) tentang penerimaan guru terhadap penggunaan TMK. Maka, jelas sekali menunjukkan kemahiran TMK perlu dikuasai oleh guru Pendidikan Islam agar pembelajaran kreatif dapat diwujudkan.

Kemahiran Pedagogi

Guru Pendidikan Islam perlu mempunyai kemahiran pedagogi dengan menggunakan pelbagai strategi pengajaran yang tepat semasa menjalankan PdPc di dalam kelas (Nurul Nadirah & Mohamed Yusoff 2018). Tambahan lagi, PdPc kini lebih menekankan unsur pembelajaran abad ke-21. Tambahan lagi, kemahiran ini perlu dikuasai guru untuk diterapkan dalam pelbagai bidang dalam subjek Pendidikan Islam. Sebagai contoh, bidang al-quran, hadis,

aqidah, sirah, jawi dan akhlak. Pembelajaran yang menggunakan kaedah yang pelbagai akan membantu terhasilnya pembelajaran kreatif. Maka, guru haruslah mempraktikkan elemen kreativiti di samping melakukan penyampaian yang efektif agar dapat membuka minda dan mata guru serta murid terhadap pemikiran kreatif dan kritis. Hal ini membawa kepada kecemerlangan guru serta sesebuah institusi pendidikan. Tambahan lagi, Tengku Kasim dan Che Husain (2008) menyatakan pedagogi guru menentukan ciri-ciri kreativiti seseorang guru. Bowkett (2007) pula menegaskan kreativiti guru akan menyumbang kepada penambahan kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh sebab itu, dalam menerapkan kreativiti terhadap pembelajaran PAK21, guru Pendidikan Islam perlu meningkatkan pedagogi Pendidikan Islam.

Transformasi Kurikulum Berunsurkan Kreativiti

Kurikulum pengajaran yang meliputi penguasaan isi kandungan sesuatu subjek menjadi satu kemestian bagi guru Pendidikan Islam untuk menguasainya. Dalam hal ini, transformasi kurikulum penting untuk dilaksanakan dengan melibatkan unsur kreativiti pengajaran guru untuk menghasilkan PdPc yang menarik dan berkesan. Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan Malaysia menyokong usaha guru dalam mempraktikkan elemen kreativiti dalam pengajaran bermula dari KBSR pada tahun 2003, diikuti KBSM pada tahun 2004 kepada KSSR dan KSSM pada tahun 2010 (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2011). Tambahan lagi, kini terdapat semakan KSSR bermula tahun 2017. Mohd Yassin (2010) menyatakan usaha guru menambahbaik amalan pengajaran dengan memasukkan elemen kreativiti merupakan satu usaha yang gigih. Oleh yang demikian, guru Pendidikan Islam mestilah mempunyai kesedaran, kefahaman tentang transformasi kurikulum dengan berpandukan kepada kreativiti pengajaran serta berfikiran kreatif dalam proses pembelajaran abad ke-21 yang dilaksanakan di sekolah. Dengan transformasi kurikulum ini, pastinya murid akan lebih seronok untuk mempelajari matapelajaran Pendidikan Islam.

CABARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENERAPAN ELEMEN KREATIVITI

Penguasaan Ilmu dan Kemahiran Teknologi

Sesetengah guru masih kurang menguasai kemahiran teknologi dan guru perlu menggunakan masa yang lebih panjang dalam meningkatkan kemahiran sendiri. Kenyataan tersebut adalah daripada kajian Nurul Nadirah dan Muhamed Yusoff (2018). Dalam hal ini, penulis mengakui cabaran guru Pendidikan Islam dalam menerapkan amalan kreativiti adalah cabaran untuk menguasai ilmu dan meningkatkan kemahiran teknologi. Guru Pendidikan Islam khususnya guru-guru yang telah lama berkhidmat lebih memilih kaedah tradisional iaitu tidak menggunakan TMK kerana TMK memerlukan mereka menguasainya terlebih dahulu sebelum menggunakannya. Aktiviti dalam PdPc juga mestilah berunsurkan pembelajaran abad ke-21. Dalam perkembangan dunia teknologi kini, guru Pendidikan Islam juga perlu berhadapan dengan murid yang mempunyai kemahiran dalam penggunaan bahan elektronik. Hal ini menjadi satu cabaran bagi guru untuk berusaha mempelajari ilmu teknologi dan menjadikan penggunaan teknologi sebagai amalan kreativiti dalam pembelajaran abad ke-21. Oleh sebab itu, penulis melihat penguasaan ilmu dan kemahiran teknologi menjadi satu cabaran bagi guru Pendidikan Islam dan memerlukan mereka usaha yang gigih untuk menguasainya.

Beban Tugas Guru Pendidikan Islam

Guru-guru dihujani dengan pelbagai komitmen dan tugas lain selain mengajar. Hal ini turut berlaku dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Di samping mengajar dan membimbing murid dalam proses PdPc, guru Pendidikan Islam perlu menjalankan program wajib tahunan iaitu menguruskan sambutan-sambutan berunsurkan keagamaan, kem motivasi, Kem Bestari Solat, Kem Cemerlang Jawi dan program-program lain. Hal ini menjadi cabaran guru Pendidikan Islam dalam menerapkan amalan kreativiti dalam pembelajaran abad ke-21. Tambahan lagi, jumlah waktu mengajar turut dikatakan sebagai beban tugas guru, peruntukan masa untuk menyiapkan tugas rasmi di sekolah ataupun tugas di luar waktu sekolah. Oleh sebab itu, beban tugas guru telah banyak menyebabkan emosi guru dalam keadaan yang tidak stabil sehingga menyebabkan tekanan (Norashid & Hamzah 2014). Selain itu, beban tugas guru Pendidikan Islam jelas dilihat apabila kebanyakan mereka menjadi sasaran pihak pengurusan sekolah dengan melantik mereka sebagai setiausaha penting di sekolah. Hal ini semestinya menjadi cabaran bagi guru Pendidikan Islam untuk menguruskan hal

kesetiausahaan. Di samping itu, bagi guru Pendidikan Islam yang menjadi guru kelas turut menambah tugas mereka dan tugas-tugas yang lain. Oleh sebab itu, penulis berpendapat bukan mudah bagi guru Pendidikan Islam untuk menerapkan amalan kreativiti dalam PdPc melainkan dengan kerjasama dan semangat yang tinggi.

Strategi dan Perancangan Pengajaran

Strategi dan perancangan pengajaran yang berunsurkan kreativiti juga menjadi cabaran bagi guru Pendidikan Islam. Hal ini kerana dalam menerapkan elemen kreativiti dalam PdPc, perancangan pengajaran hendaklah dititikberatkan. Strategi dan perancangan pengajaran penting dalam menghasilkan kualiti sesuatu pengajaran. Sekiranya guru tidak bijak merancang dengan baik, sesi PdPc menjadi tidak terarah kepada objektif pembelajaran. Impaknya, masa pengajaran tersebut tidak memberi manfaat kepada murid. Oleh sebab itu, guru perlu memastikan mereka dapat memberikan pengajaran yang terbaik agar pengajaran bermakna dapat dihasilkan (Ab. Halim Tamuri et al. 2012). Kamarul Azmi Jasmi et al. (2011) dan Ab. Halim Tamuri et al. (2012) menegaskan kepentingan dalam merancang strategi pengajaran dalam PdPc. Maka, jelaslah dalam menerapkan unsur kreativiti, guru Pendidikan Islam perlu merancang pengajaran sebelum bermulanya PdPc. Pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan memerlukan strategi dan perancangan yang mantap. Akhir sekali, hal ini menjadi cabaran bagi guru Pendidikan Islam, iaitu mereka perlu memperuntukkan masa untuk merancang strategi pengajaran yang menerapkan unsur kreativiti dalam pembelajaran abad ke-21.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Guru Pendidikan Islam perlu memainkan peranan dalam menerapkan elemen kreativiti dalam pembelajaran abad ke-21. Elemen kreativiti dalam pengajaran merupakan antara amalan positif dan menjadi tanggungjawab guru untuk menghidupkan pembelajaran kreatif dalam PdPc. Hal ini semestinya membantu mencapai objektif pengajaran dengan lebih efektif. Di samping itu, amalan ini juga sebagai usaha untuk menghasilkan modal insan cemerlang yang ditegaskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu intelek, rohani, emosi dan jasmani. Tambahan lagi, guru Pendidikan Islam perlu mempraktikkan elemen kreativiti iaitu elemen yang melibatkan idea-idea imaginatif, proses penciptaan, strategi pengajaran dan

persekitaran pembelajaran. Sebagai contoh, antara amalan kreativiti guru Pendidikan Islam termasuklah mengaplikasikan peta i-Think dalam pembelajaran, penggunaan teknologi moden dan transformasi kurikulum berunsurkan kreativiti. Hal ini menunjukkan antara amalan kreativiti dalam pembelajaran abad ke-21.

Namun begitu, cabaran dalam menerapkan amalan kreativiti turut memberi kesan kepada guru Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, sekiranya guru Pendidikan Islam melihat cabaran tersebut sebagai penyuntik semangat untuk mereka menghasilkan PdPc berunsurkan kreativiti, maka tidak akan timbul masalah dalam menerapkan amalan kreativiti dalam PAK-21 terhadap pengajaran Pendidikan Islam. Kesimpulannya, guru Pendidikan Islam haruslah mempunyai motivasi dan kekentalan hati yang tinggi untuk meningkatkan kualiti pengajaran. Di samping itu, semua guru Pendidikan Islam mestilah berganding bahu dalam menerapkan elemen kreativiti dalam pembelajaran abad ke-21 di samping meyuburkan nilai-nilai murni dalam diri murid. Tambahan lagi, guru Pendidikan Islam juga perlu peka terhadap perubahan yang berlaku serta berusaha menambah kemahiran diri dalam pelbagai aspek. Maka, jelas sekali peri pentingnya peranan guru Pendidikan dalam usaha meningkatkan mutu kualiti pengajaran dalam proses PdPc di samping membentuk insan yang berilmu dan berakhlak terpuji.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Komponen asas untuk latihan guru Pendidikan Islam, *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53-63.
- Abd Hamid M. A. 2004. *Kreativiti Konsep Teori & Praktis*. Selangor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd Hamid, M. A., Khalid, E., Hassan, Z., & Abu Kassim, O. 2003. Pendidik Kreatif Sebagai Teras Transformasi Literasi Kreatif Di Malaysia. Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan, 19-21 Oktober 2003, Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru.
- Abdul Ghafar, M. N. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. (C. A. Che Ismail, Ed.) (7th ed.). Universiti Teknologi Malaysia.
- Amabile, T. M. 1983. *The Social Psychology of Creativity*. New York: Springer- Verlag.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). 2011. *Panduan Kreativiti Pembangunan dan Amalan dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Bowkett, S. 2007. *100 Idea for Teaching Creativity*. London: Continuum International Publishing Group.
- Faridah Darus, Rohaida Mohd Saat & Abd. Razak Zakaria. 2013. Transformasi Guru Dalam Pengajaran dan pembelajaran Mengenai Kemahiran Membuat Hipotesis Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Kurikulum Dan Pengajaran Asia Pasifik*, 1 (3): 47-57.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd. Izham Hamzah. 2011. Kajian kes kaedah pengajaran dan pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) sekolah bandar dan luar bandar satu kajian perbandingan, *Jurnal Teknologi*. 56 (Sains Sosial),179-198.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025- Laporan Awal. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad & Mohd Muhaimi Abdul Rahman. 2014. Penggunaan Peta Minda oleh Pelajar Pintar Cerdas dalam Pembelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2): 95-100.
- Mohd Yassin M. 2010. Teks Ucapan Pada Majlis Pelancaran Sambutan Hari Guru 2010 Peringkat Kebangsaan Ke-39 di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang.[http://www.bharian.com.my/bharian/articles/ Dasarinovatif _insentif dorong guruberi khidmatcemerlang/Article](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Dasarinovatif_insentif_dorong_guruberi_khidmatcemerlang/Article). [11Nov 2010].
- Mohammad, N., Hashim, T. A., & Mohammad Yasin, R. 2011. Amalan Pengajaran Dalam Reka Bentuk Dan Teknologi (RBT): Pengaplikasian Model Proses Kreatif Terarah Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Prosiding Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan Latihan Yeknik dan Vokasional (CIE-TVT 2011) 16-17 November 2011, Hotel Naza Talya Pulau Pinang, (November), 236– 240
- Mohd Yusoff Dagang. 2016. Amalan Kreativiti Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah-Sekolah Negeri Johor. *Tesis Doktor Falsafah Pendidikan*, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Muhamad Zaki Samsudin, Razali Hassan, Azman Hasan & Mohd As'ed Shamsuddin. 2013. Amalan Kreativiti Guru Dalam Pengajaran Pendidikan Asas Vokasional. Technology, Education, and Science International Conference (TESIC). Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. UTHM, Johor.
- Nor Hasnida Che Md Ghazali, Siti Rahayah Ariffin, Nor Azaheen Abdul Hamid & Rosseni Ariffin. 2011. Kemahiran Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah Murid. Dlm. Zamri Mahamod, Jamallul Lail Abdul Wahab & Mohammed Sani Ibrahim (pnyt). Transformasi dan Inovasi dalam Pendidikan, hlm. 257-269. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan UKM.
- Norazlin Mohd Rusdin. 2018. Teachers ' Readiness in Implementing 21 st Century Learning

- Teachers ' Readiness in Implementing 21 st Century Learning. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences* 8(4): 1293–1306.
- Norashid Othman dan Hamzah Md. Omar. 2014. Beban Tugas dan Motivasi Pengajaran Guru Di Sekolah Menengah daerah Ranau. *Jurnal Pemikir Pendidikan* (Journal for Educational Thinkers) Vol. 5, pp. 35-57, ISSN 1985-3637 (Print).
- Nor Saidah Shuib & Mohd Aderi Che Noh. 2015. Aplikasi I-Think Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke 11. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Nadirah Binti Ramli & Mohamed Yusoff Bin Mohd Nor. 2018. Pembelajaran Abad Ke-21. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pasukan Pemikir Pendidikan Abad Ke-21. 2017. *Panduan Pelaksanaan Pendidikanabd Ke-21*. Negeri Sembilan. Institut Aminuddin Baki.
- Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail. 2018. Aplikasi “Konsep 4C” Pembelajaran Abad ke 21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)* 1(1): 45–65.
- Said, M. M. M., & Yunos, N. 2008. Peranan guru dalam memupuk kreativiti pelajar. *Jurnal Pengajian Umum*, 9, 57– 72.
- Salehudin Sabar & Mohd Ismail Mustari. 2012. Pendidikan Islam mendepani cabaran abad ke 21 : Aplikasi pendidikan bil hikmah. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012* 1–25.
- Sarimah Karmin & Shaharom Noordin. 2008. *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Shah Alam: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Zakaria. 2013. Beban Tugas Guru Mempengaruhi Penggunaan Sumber Teknologi Pendidikan Di Empat Buah Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional Di Johor. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Siti Nor Sapariah Hashim, Shahrul Afzan Samsul Ali & Siti Ayu Rezeket. 2013. Isu dan Cabaran Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Terhadap Literasi Awal Kanak-Kanak Prasekolah.
- Starko., A.J. 2010. *Creativity In The Classroom: Schools Of Curious Delight*. New York: Routledge.
- Taat, M.S. 2011. Faktor gaya pertautan dan motivasi pelajar, serta proses pengajaran dan bimbingan guru pendidikan Islam terhadap pembelajaran terarah sendiri (PTK) pelajar. Tesis Phd. Universiti Malaysia Sabah.
- Tamuri, A. H., Yusopp A., Osman K., Awaluddin S., Abdul Rahim Z. & Abdul Razak K. 2004. Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam Ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan Universiti

Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, JAPIM, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Tengku Kasim, T.S.A.& Che Husain F. 2008. Pendekatan Individu Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. *Jurnal Usuluddin*. 27:141-156.
- Torrance, E.P., & Safter, H. T. 1990. *The Incubation Model of Teaching*. New York: Bearly Limited.
- Torrance, Ellis Paul. 1961. *Guiding Creative Talent*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice- Hall.
- Wan Azlin Anora Wan Azman & Mohamed Yusoff Mohd Nor. 2017. Kemahiran Guru Abad Ke 21 Terhadap Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Murid Di Sekolah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zanariah Ab. Wahab. 2010. Tahap Pengaplikasian Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam. Projek Penyelidikan Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Siti Rashidah Abd. Razak, Norshilawani Shahidan, Ahmad Shafiq Mat Razali, Zanaton & Sri Andayani Mahdi Yusuf. 2017. Strategi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Mengintegrasikan Ilmu Naqli Dan Aqli Menggunakan Pendekatan 'Lesson Study'. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol 4 Bil 1.